

SIARAN AKHBAR
9 Januari 2018

EKUINAS MELUPUSKAN 100% PEGANGAN DALAM APIIT EDUCATION GROUP

Sorotan Utama: -

- Ekuinas telah melupuskan keseluruhan pegangannya dalam APIIT Education Group (Kumpulan APIIT) kepada KV Asia Capital dan rakan-rakan kongsi mereka berdasarkan nilai perusahaan sebanyak RM725.0 juta, mencapai Kadar Pulangan Dalaman (IRR) sebanyak 22.3% dan 1.6 kali modal dilaburkan.
- Pemilik baharu Kumpulan APIIT adalah instrumen usaha sama yang dimiliki oleh pasukan pengurusan utama kumpulan bersama KV Asia Capital.

KUALA LUMPUR, 9 JANUARI 2018: Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas), sebuah syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian berkaitan kerajaan, hari ini mengumumkan pelupusan keseluruhan kepentingan ekuitinya sebanyak 100% dalam APIIT Education Group (APIIT Group), yang terdiri daripada Asia Pacific Schools (APS), Asia Pacific University of Technology & Innovation (APU) and Asia Pacific Institute of Information Technology (APIIT) berdasarkan nilai perusahaan sebanyak RM725.0 juta.

Pemilik baharu APIIT Group adalah instrumen usaha sama yang dimiliki oleh pasukan pengurusan utama kumpulan bersama KV Asia Capital.

Pengerusi Ekuinas, Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda berkata, "Kami melupuskan pegangan kami kepada pemilik baharu yang termasuk pasukan pengurusan utama APIIT Group dengan gabungan pengalaman lebih daripada 100 tahun dalam industri ini. Dengan itu, ia akan memastikan kepentingan untuk terus menyediakan pendidikan yang berkualiti sentiasa sejajar".

Sepanjang tempoh pelaburan, Ekuinas telah meningkatkan jumlah pelajar dari 7,700 pada tahun 2010 kepada lebih 10,000 pada 2016. Pada tahun 2017, APU telah melancarkan kampus canggihnya di Teknologi Park Malaysia, menyediakan teknologi baru untuk

meningkatkan pengalaman pelajar sebagai sebahagian daripada pelan penciptaan nilai untuk kumpulan tersebut.

Ketua Pegawai Eksekutif Ekuinas, Syed Yasir Arafat Syed Abd Kadir berkata, "Kami percaya kami telah menemui pemilik baharu yang tepat dan sesuai bagi APIIT Group untuk memandu institusi-institusinya ke arah kejayaan yang berterusan. KV Asia Capital, dengan pasukan pengurus yang berpengalaman dan mempunyai reputasi yang baik, telah mengurus, mengetuai dan membangunkan perniagaan di seluruh Asia. Ini akan memperkenalkan kemahiran dan pengalaman baharu ke dalam kumpulan untuk melengkapkan kepakaran pasukan pengurusan utama, memastikan peralihan yang lancar dan kesinambungan perniagaan dengan gangguan yang minimum kepada pembelajaran para pelajar. APIIT Group dilaburkan melalui dua dana. Pelupusan ini akan membolehkan Ekuinas untuk memperolehi semula kos pelaburannya dan menghasilkan Kadar Pulangan Dalaman (IRR) positif sebanyak 22.3% dan 1.6 kali modal dilaburkan, termasuk dividen yang telah diterima".

Pasukan pengurusan utama Kumpulan Syarikat APIIT mengucapkan terima kasih kepada Ekuinas atas sokongan yang tidak ternilai yang telah mereka berikan kepada APIIT Group selama ini. "Kami mengalu-alukan kerjasama baharu antara kami dan KV Asia Capital untuk terus mengembangkan dan memajukan kumpulan".

- Tamat -

Latar belakang Ekuinas

Ekuinas (Ekuiti Nasional Berhad) ialah sebuah syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian berkaitan kerajaan yang ditubuhkan pada 1 September 2009. Berbekalkan peruntukan RM5 bilion daripada Kerajaan, Ekuinas berhasrat melahirkan syarikat terkemuka generasi baru di Malaysia sambil menggalakkan penyertaan ekonomi Bumiputera yang saksama, berkesan dan berdaya maju. Setakat ini, Ekuinas telah melabur dalam syarikat Malaysia berpotensi tinggi yang terlibat dalam bidang barang pengguna laris, minyak dan gas, logistik, pendidikan, runcit, makanan dan minuman serta penjagaan kesihatan.

Hubungan Media:

Dau Ming Seling
Klareco Communications Malaysia
(Formerly known as Bell Pottinger Malaysia)

E: dseling@klarecocomms.com
T: +603-2276 0990
M: +60178882808

Lok Ru Jun
Klareco Communications Malaysia
(Formerly known as Bell Pottinger Malaysia)

E: rlok@klarecocomms.com
T: +603-2276 0990
M: +6012-325 6949